INAUGURAL LECTURE series

Prof. Dato' Dr. Mohammad
Shatar Sabran



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

# MONEY boy
# MASALAH Sosial Era Generasi Y



PROFESOR DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR SABRAN

# MONEY *boy* MASALAH Sosial Era Generasi Y

**Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran**
Dip (Indiana), BSc. and MSc. (Iowa State), PhD. (Missouri)

**8 MEI 2015**

Dewan Kuliah Utama
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Universiti Putra Malaysia

**Universiti Putra Malaysia Press**
Serdang • 2015
http://www.penerbit.upm.edu.my

**© Penerbit Universiti Putra Malaysia 2015**
Cetakan Pertama 2015

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada pihak Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Penerbit UPM adalah anggota Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)
No. Ahli: 9802

Reka letak teks : Sahariah Abdol Rahim @ Ibrahim
Reka bentuk kulit : Md Fairus Ahmad

*Reka bentuk, reka letak dan dicetak oleh*
Penerbit Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-89468851/8854/8429
Faks: 03-89416172
E-mel: penerbit@upm.edu.my
Laman web: http://penerbit.upm.edu.my

# Kandungan


| | |
|---|---|
| Abstrak | 1 |
| Pengenalan | 3 |
| Apakah Masalah Sosial | 4 |
| Persoalan Nilai Sosial dan Norma Masyarakat | 9 |
| Remaja dan Masalah Sosial | 15 |
| Faktor Penyumbang kepada *Money Boy* | 35 |
| Ciri-ciri *Money Boy* | 38 |
| Lokasi Aktiviti *Money Boy* | 48 |
| Pelanggan *Money Boy* | 51 |
| Perkhidmatan *Money Boy* | 55 |
| Rumusan | 73 |
| Rujukan | 74 |
| Bibliografi | 79 |
| Penghargaan | 83 |
| Senarai Syarahan Inaugural | 85 |

## ABSTRAK

*Money boy* merupakan satu jelmaan baru masalah sosial dalam kalangan generasi Y pada hari ini. *Money boy* merupakan golongan lelaki muda yang berumur di antara 15 hingga 30 tahun yang menawarkan pelbagai perkhidmatan terutamanya perkhidmatan seks kepada pelanggan lelaki untuk tujuan mendapatkan wang tambahan ataupun imbuhan. Keterlibatan lelaki muda dalam aktiviti *money boy* ini juga didorong oleh kesempitan hidup dan juga nafsu yang menyukai sesama jenis.

Untuk membolehkan seseorang lelaki menjalankan aktiviti sebagai *money boy*, mereka perlu mempunyai kriteria tertentu. Di antara ciri-ciri untuk menjadi seorang *money boy* ialah mereka perlu mempunyai rupa paras dan bentuk badan yang menarik, pandai berkomunikasi, masih dalam peringkat remaja dan bercirikan ciri-ciri metroseksual. Kemampuan untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris merupakan elemen tambahan kepada *money boy.*

Ramai dalam kalangan remaja lelaki yang berminat untuk terlibat dengan aktiviti *money boy* ini kerana pendapatan yang diperolehi daripada perkerjaan ini amatlah memuaskan. Kadar bayaran perkhidmatan *money boy* ini berbeza-beza mengikut persetujuan bersama di antara *money boy* dan pelangggan mereka. Secara umumnya, setiap *money boy* mampu memperolehi pendapatan bulanan sehingga RM5000 dan ini tidak termasuk pelbagai hadiah yang diperolehi seperti kereta, *handphone* dan percutian dalam dan luar negara. Bayaran untuk mendapatkan perkhidmatan *money boy* ini meningkat pada setiap hujung minggu. Untuk tujuan pengiklanan, kaedah yang sering digunakan oleh *money boy* untuk mendapatkan pelanggan ialah dengan menggunakan kemudahan ICT dan media massa. Diantara medium yang sering digunakan oleh mereka ialah *facebook, twitter, blog, website* dan juga surat khabar. Walaupun ada diantara *money boy*

yang menggunakan perkhidmatan orang ketiga untuk mendapatkan pelanggan, tetapi jumlahnya amatlah sedikit.

Walaupun isu yang memaparkan aktiviti *money boy* ini masih baru dalam kalangan ahli masyarakat di negara ini, sambutan yang diterima oleh *money boy* amatlah tinggi. Permintaan untuk mendapatkan perkhidmatan *money boy* ini akan meningkat pada hujung minggu. Majoriti daripada golongan yang mendapatkan perkhidmatan *money boy* ini adalah terdiri daripada lelaki yang berumur di antara 40-an dan 50-an dan mempunyai pendapatan yang tinggi. Selain daripada itu, kumpulan ini mempunyai kemahiran dalam komunikasi dan mempunyai perwatakan yang baik. Mereka juga mudah mesra dan mampu mempamerkan kasih sayang kepada golongan *money boy.*

Oleh kerana aktiviti *money boy* ini dijalankan secara sulit dan tersembunyi, agak sukar kepada masyarakat dan pihak yang bertanggungjawab untuk membenteras masalah ini daripada berlaku. Walau bagaimanapun, usaha untuk membendung masalah ini daripada berterusan perlu dilaksanakan agar ianya tidak menjadi lebih serius. Untuk mencapai tujuan tersebut, semua pihak terutamanya ibu bapa, sekolah dan ahli masyarakat perlulah melaksanakan konsep ambil tahu kepada aktiviti-aktiviti remaja pada hari ini. Sebarang aktiviti yang mencurigakan perlulah diambil tindakan susulan agar aktiviti yang tidak bermoral seperti *money boy* ini dapat ditangani dengan baik.

## PENGENALAN

Isu yang berkaitan dengan *money boy* mula dibincangkan oleh media di negara ini pada awal tahun 2009. Paparan awal telah dibuat oleh akhbar saluran perdana mengenai sekumpulan remaja lelaki yang menawarkan pelbagai perkhidmatan terutamanya perkhidmatan seks kepada golongan lelaki homoseksual untuk tujuan mendapatkan wang dan habuan lain seperti hadiah percutian dan sebagainya. Walau bagaimanapun, perbincangan mengenai isu ini terhenti selepas liputan yang dibuat pada awal tahun tersebut.




Walaupun isu *money boy* ini tidak lagi dipaparkan oleh akhbar saluran perdana, ia menjadi topik perbincangan yang hangat dalam media sosial seperti *facebook* dan juga *twitter* terutamanya dalam kalangan generasi muda. Beberapa persoalan ditimbulkan oleh generasi muda mengenai isu *money boy* ini. Di antara persoalan tersebut ialah siapakah *money boy*? Apakah aktiviti mereka? Bagaimana ingin mengenali mereka? Siapakah pelanggan mereka? Bagaimana mereka menjalankan aktiviti *money boy* ini? Di mana lokasi untuk mendapatkan perkhidmatan *money boy*? dan berapa bayaran yang dikenakan kepada setiap perkhidmatan yang diberikan?

Untuk mendapatkan jawapan dari persoalan tersebut, penulis telah membuat keputusan untuk menjalankan kajian terhadap golongan atau kumpulan *money boy*. Kajian mengenai *money boy* ini telah bermula pada awal tahun 2010. Kajian yang mengambil masa selama dua tahun ini telah dijalankan di sekitar Lembah Klang dengan menggunakan kaedah permerhatian dan penglibatan. Seramai 30 orang *money boy* dan pelanggan mereka telah terlibat secara langsung sebagai responden di dalam penyelidikan ini.

Bagi membolehkan pembaca memahami dengan lebih mendalam mengenai isu yang berkaitan dengan *money boy*, beberapa perkara asas berhubung dengan masalah sosial perlu dijelaskan terlebih dahulu. Di antara perkara asas yang perlu diketahui ialah definisi masalah sosial, teori masalah sosial, dan keterlibatan remaja dengan masalah sosial pada hari ini. Tanpa memahami perkara asas ini, isu mengenai *money boy* mungkin sukar untuk difahami secara holistik. Oleh yang demikian, buku ini akan menghuraikan secara ringkas perkara asas tersebut sebelum isu mengenai *money boy* dibincangkan secara khusus.

## APAKAH MASALAH SOSIAL

Memang sukar untuk menidakkan bahawa dunia pada hari ini penuh dengan pelbagai masalah, sama ada kecil ataupun besar. Hampir semua golongan masyarakat bersetuju akan senario ini. Semua golongan sama ada terdiri daripada golongan atasan ataupun bawahan seperti doktor, peguam, ahli perniagaan, kerani, tukang kebun dan sebagainya, bersetuju bahawa dunia pada hari ini tidak bebas daripada masalah sosial. Ada di antara masyarakat yang ingin melakukan sesuatu untuk membasmi masalah yang timbul dan ada juga yang tidak ambil kisah mengenai masalah tersebut malah merasa gembira melihat mereka sengsara akibat masalah yang wujud.




Para profesional juga mempunyai pandangan yang sama mengenai masalah sosial yang wujud di dalam masyarakat pada hari ini. Apa yang membezakan mereka semua adalah mengenai punca sebenar wujudnya masalah tersebut dan apakah kaedah yang sesuai untuk tujuan penyelesaian. Sebagai contohnya ialah masalah penderaan kanak-kanak yang berlaku di negara ini. Pada umumnya semua ahli profesional bersetuju bahawa masalah penderaan yang wujud di negara ini merupakan satu fenomena yang amat menyedihkan dan patut dibenteras secepat mungkin. Cuma yang membezakan mereka ialah punca dan kaedah penyelesaian yang sesuai. Ada diantara mereka yang merasakan punca utama kes-kes penderaan yang berlaku di negara ini adalah disebabkan taraf sosio-ekonomi yang rendah oleh keluarga tersebut. Ada juga yang merasakan bahawa sikap ibu bapa yang tidak bertanggungjawab sebagai punca utama kepada masalah tersebut.

Faktor lain yang dirasakan sebagai penyebab kepada masalah tersebut ialah tidak mempunyai pendidikan, tidak mempunyai pekerjaan, dan keluarga yang berpecah belah. Perbezaan diantara ahli profesional juga wujud mengenai cara untuk menyelesaikan masalah. Ada yang mencadangkan supaya diadakan kelas-kelas

kaunseling dan sebagainya. Walau apapun pandangan yang dikemukakan, isu yang penting kepada masyarakat ialah masalah sosial merupakan agenda yang perlu diberi perhatian yang serius.

Pada umumnya, sesuatu perkara itu akan dianggap sebagai masalah sosial apabila sebahagian besar daripada ahli masyarakat ataupun sekumpulan masyarakat yang mempunyai pengaruh merasakan bahawa perkara yang berlaku itu tidak baik dan bercanggah dengan nilai dan norma kehidupan masyarakat. Lanjutan daripada itu, masyarakat dan kumpulan yang terlibat bersetuju untuk mengubah ataupun memperbetulkan keadaan berkenaan.


10 METRO
SETEMPAT
Mudah percaya
makan diri

Masalah sosial bersifat subjektif dan ia boleh berubah mengikut keadaan, tempat dan masa. Mungkin pada suatu ketika perkara yang berlaku dianggap sebagai masalah sosial dan di dalam masa yang lain perkara yang sama tidak dianggap sedemikian. Sebagai contoh, kegiatan pelacuran merupakan suatu masalah sosial yang dipandang serius oleh masyarakat Malaysia. Sesiapa yang ditangkap kerana melakukan ataupun menjalankan aktiviti berkenaan akan didenda mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Berbeza dengan negara

Thailand, kegiatan yang sama dianggap sebagai kegiatan ekonomi yang menggalakkan kepada pertumbuhan negara. Oleh yang demikian, mereka yang bergiat dalam aktiviti ini tidak dianggap serius seperti mana yang berlaku kepada masyarakat di negara Malaysia ini.

Begitu juga dengan golongan tua. Sepuluh tahun yang lalu, masyarakat tua di negara ini tidak menimbulkan sebarang masalah kepada negara. Ini adalah disebabkan jumlah mereka yang kecil pada ketika itu. Oleh yang demikian, urusan mengenai keperluan mereka tidak menjadi serius. Pada hari ini, jumlah golongan tua semakin bertambah. Kemajuan teknologi di dalam bidang perubatan dan *diet* yang baik telah menyebabkan jangka hayat penduduk negara menjadi lebih panjang. Keadaan yang sedemikian telah menyebabkan negara mengalami masalah untuk menyediakan pelbagai kemudahan untuk golongan ini seperti perumahan, perlindungan skip pencen, kemudahan perubatan, kemudahan pengankutan, perlindungan dan sebagainya. Tanpa persediaan yang cukup, pelbagai jenis masalah akan timbul ekoran kekurangan dan ketiadaan perkhidmatan serta kemudahan yang diharapkan oleh mereka. Justeru, masyarakat pada hari ini telah mengklasifikasikan isu mengenai golongan tua sebagai salah satu daripada masalah sosial yang wujud di dalam negara ini.

Selain daripada masa dan tempat, masalah sosial ini juga bersifat relatif kerana ia bergantung kepada siapa yang mendefinasikannya. Sebagai contoh, ahli-ahli geologi melihat pencemaran air dan udara sebagai suatu masalah sosial yang amat serius dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya sebelum terlambat. Pihak pembuatan dan industri melihat perkara yang sama sebagai satu keuntungan kepada mereka. Semakin banyak asap hitam dan sisa buangan dikeluarkan, semakin besarlah margin keuntungan mereka.




Keadaan yang sama juga berlaku kepada pemilik rumah di kawasan setinggan. Bagi mereka, suasana dan keadaan rumah bukan suatu masalah kerana apa yang lebih penting kepada mereka adalah Ringgit Malaysia yang masuk pada setiap bulan. Pihak kerajaan tempatan dan majlis perbandaran pula melihat keadaan tersebut sebagai tempat dan sarang kepada pelbagai masalah sosial. Tanpa mempunyai sistem perparitan yang baik, sistem pembentungan yang teratur dan ketiadaan air bersih akan menyumbang kepada pelbagai jenis penyakit dan masalah sosial kepada masyarakat yang terlibat.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, didapati bahawa terdapat dua persepsi mengenai masalah sosial ini. Satu persepsi berpendapat bahawa masalah sosial adalah sesuatu yang objektif seperti pembunuhan, penderaan, dan masalah dadah. Persepsi yang kedua melihat masalah sosial sebagai suatu yang subjektif, yang mana pandangan ini akan mengambil kira lokasi, siapa, dan bila ianya berlaku.

Robert Merton (1989), telah membuat dua klasifikasi mengenai masalah sosial. Beliau membuat perbezaan di antara *manifest social problems* dan *latent social problems*. Robert mendefinisikan *manifest social problems* sebagai masalah sosial yang bersifat objektif dan masyarakat secara keseluruhannya sedar

dan mengetahui mengenai bahaya dan kesan yang timbul akibat daripada masalah tersebut. Contoh yang sesuai mengenai *manifest social problems* adalah rompakan, penagihan dadah, pembunuhan, penderaan, dan penculikan.



**300 remaja Melayu salah laku seksual, seks bebas**

Pengaruh rakan sebaya punca utama gejala: Kajian UPM

*Latent social problems* adalah masalah sosial yang bersifat objektif tetapi masyarakat masih lagi tidak menganggap masalah tersebut sebagai masalah sosial. Ini adalah disebabkan masalah tersebut masih lagi tidak bercanggah dengan nilai dan adat serta norma hidup masyarakat tersebut. Contoh yang sesuai untuk *latent social problems* adalah pembalakan secara haram di hutan simpan negara, peniaga menipu pelanggan dengan kiraan kilogram yang tidak cukup dan tumpahan kapal tangki minyak di perairan negara oleh syarikat-syarikat gergasi minyak dunia. Walaupun masalah ini melibatkan kos berjuta-juta ringgit, namun masyarakat masih lagi tidak menganggap kes-kes sebegini sebagai suatu masalah sosial.

## PERSOALAN NILAI SOSIAL DAN NORMA MASYARAKAT

Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, sesuatu itu akan dianggap sebagai masalah sosial sekiranya perkara yang berlaku itu telah menyalahi nilai dan norma kehidupan masyarakat

yang terlibat. Nilai sosial merujuk kepada keadaan dan persepsi masyarakat mengenai sesuatu perkara sama ada baik ataupun buruk perkara tersebut. Sebagai contoh, masyarakat Malaysia secara umumnya melihat sistem pemerintahan demokrasi, kebebasan memilih pemimpin, keadilan, perkahwinan dan keluarga sebagai satu senario yang baik dan patut dikekalkan pelaksanaannya di negara ini.

Norma sosial pula merujuk kepada peraturan dan garis panduan yang perlu diikuti oleh masyarakat untuk sesuatu suasana dan keadaan. Norma ialah peraturan dalam permainan hidup. Sebagai contoh, adalah menjadi norma kehidupan seorang ibu untuk menyayangi anak-anak mereka. Justeru, tidak wajar bagi seorang ibu untuk mendera anak-anak tersebut.

Walau bagaimanapun, perlu diingatkan juga tidak semua masyarakat dalam sesebuah negara mempunyai nilai dan norma yang sama. Masyarakat Melayu, Cina, India, dan lain-lain di negara ini sudah pasti mempunyai nilai dan norma kehidupan yang berbeza-beza walaupun mereka semua tinggal di bawah bumbung negara yang sama. Ini adalah disebabkan perbezaan budaya, adat, agama dan latar belakang keturunan dan keluarga. Untuk melayakkan sesuatu perkara itu dianggap sebagai masalah sosial, ianya perlulah dipersetujui oleh sebahagian besar masyarakat yang terlibat ataupun telah diakui oleh sekumpulan mereka yang mempunyai pengaruh dalam masyarakat tersebut.

Individu yang mempunyai kuasa dan autoriti juga boleh menentukan sama ada sesuatu perkara itu boleh dikategorikan sebagai masalah sosial ataupun tidak. Di dalam konteks negara Malaysia, DYMM Sultan, YAB Perdana Menteri, Menteri Besar, dan Ketua Menteri merupakan individu-individu yang boleh mengklasifikasikan sesuatu perkara itu sebagai masalah sosial ataupun sebaliknya.



18 Setempat

Harian Metro

# Usah jadi 'harta awam'

■ Elak gambar peribadi terutama wanita dieksploitasi ke arah keburukan

"Pertonton gambar tidak sepatutnya dilihat orang ramai umpama bom jangka yang boleh membunuh masa depan"

Selalunya masyarakat secara umum tidak menyedari bahawa sesuatu itu boleh menjadi sebagai suatu masalah sosial sekiranya mereka tidak diberi kesedaran oleh kumpulan-kumpulan tertentu. Dua kumpulan yang bertanggungjawab menyedarkan masyarakat atau individu yang tertentu mengenai wujudnya masalah sosial ini dikenali sebagai *interest group* dan *pressure group*. *Interest group* merujuk kepada kumpulan yang mempunyai kepentingan sama ada kepentingan yang bersifat keuntungan mahupun sebaliknya.



Contoh *interest group* yang mungkin sesuai ialah pembuat topi keledar berlampu, lampu had laju, dan kotak hitam. *Pressure group* pula merujuk kepada kumpulan yang mendesak agar sesuatu perkara itu dilaksanakan atau dihentikan oleh pihak-pihak tertentu. Contoh yang mungkin sesuai bagi *pressure group* ialah kumpulan pencinta alam, kumpulan masyarakat warga emas dan persatuan-persatuan perniagaan.

## Kepercayaan Masalah Boleh dan Perlu Diselesaikan

Masalah sosial ialah sesuatu perkara yang berlaku serta mendatangkan kemudaratan kepada masyarakat dan mereka pula bersetuju dengan keadaan sedemikian. Walau bagaimanapun, sekiranya masalah yang berlaku itu diluar bidang kuasa manusia seperti kebuluran akibat cuaca panas, banjir dan gempa bumi, masalah sebegini tidak dianggap sebagai masalah sosial. Ianya dilihat sebagai satu ketentuan daripada Tuhan yang Maha Kuasa. Ada juga masalah yang timbul ekoran daripada perubahan personaliti. Orang gila di jalanan seringkali menimbulkan masalah sosial dalam sesebuah masyarakat, namun tindakan penyelesaian jarang sekali diambil kerana masyarakat merasakan orang gila memang mempunyai perangai yang sedemikian.

## Pusingan Masalah Sosial

Untuk memahami masalah sosial ini secara keseluruhannya, kita perlu memahami pusingan sesuatu masalah sosial itu. Untuk memahami keadaan ini, kita perlu melihat bagaimanakah reaksi orang awam mengenai perkembangan dan perjalanan sesuatu masalah sosial yang berlaku. Herbert Blumer (1989), mencadangkan pusingan hidup masalah sosial ini boleh dibahagikan kepada 5 bahagian. Menurut Herbert Blumer, setiap masalah sosial

bermula dengan penemuan sesuatu isu yang kemudian diputuskan oleh masyarakat yang terlibat sebagai masalah sosial.

Apabila isu tersebut telah diklasifikasikan sebagai masalah sosial, masyarakat yang terlibat akan mengerakkan pelbagai langkah pencegahan yang akhirnya akan dilaksanakan oleh ahli masyarakat bersama-sama dengan pihak yang bertanggungjawab. Proses ini akan berterusan sehinggalah masalah tersebut dapat diselesaikan dengan jayanya. Menurut Blumer lagi, lima bahagian ini merupakan satu proses evolusi. Setiap masalah sosial perlu melalui setiap proses secara berperingkat-peringkat dan pergerakan tersebut tidak berlaku secara sendiri. Pusingan masalah sosial yang dihuraikan oleh Herbert Blumer ini ditunjukkan dalam Gambar rajah 1 di bawah.




**Gambar rajah 1** Pusingan Masalah Sosial

Rujukan: Herbert Blumer, 1989.

Usaha terkini untuk menerangkan pusingan masalah sosial ini telah dijelaskan oleh seorang pakar sosiologi, Stuart Hadden. Stuart Hadden (2003), menerangkan bahawa terdapat empat peringkat yang perlu dilalui oleh setiap masalah sosial. Penjelasan Hadden ini ditunjukkan dalam Gambar rajah 2 di bawah.




**Gambar rajah 2** Pusingan Masalah Sosial

Sumber: Stuart Hadden, 2003.

Peringkat yang pertama, dinamakan sebagai peringkat "tidak kisah". Diperingkat ini masyarakat melihat masalah tersebut sebagai perkara biasa dan tidak merasai bahawa ianya akan mendatangkan bahaya atau impak tidak baik kepada masyarakat. Masyarakat juga mungkin berpendapat bahawa masalah yang wujud itu merbahaya, tetapi disebabkan ianya berlaku diluar kawasan atau daerah, maka ianya dianggap tidak mendatangkan apa-apa kesan kepada masyarakat mereka. Hadden menamakan suasana sebegini sebagai

*the alarm has not yet been sounded* atau loceng masih belum dibunyikan lagi.

Peringkat yang kedua, adalah apabila masyarakat telah menyedari bahawa masalah tersebut telah menjadi masalah sosial. Untuk sampai kepada peringkat ini, terdapat dua syarat yang perlu dipenuhi. Syarat yang pertama ialah masalah tersebut mestilah membuktikan ianya tidak baik dan merbahaya serta menjejaskan nilai sosial dan norma masyarakat setempat. Syarat yang kedua pula ialah masalah tersebut mestilah melibatkan jumlah masyarakat yang ramai. Hadden mengingatkan bahawa di peringkat ini, masalah sosial tersebut sudah sampai ke tahap yang berbahaya dan perlu ada langkah-langkah yang drastik untuk menyelesaikannya.

Peringkat yang ketiga, adalah peringkat untuk menggerakkan masyarakat ke arah penyelesaian masalah tersebut. Untuk mencapai hasrat ini, pelbagai kaedah dalam sesebuah masyarakat digunakan seperti pendidikan, pemulihan, dan pencegahan untuk mengatasi atau mengawal masalah tersebut sebelum ianya menjadi lebih serius.

Peringkat yang terakhir dalam pusingan masalah sosial ini adalah peringkat *mutting* atau senyap. Menurut Hadden, di peringkat ini masalah sosial tersebut telah dapat diselesaikan dengan jayanya dan masyarakat telah mengakui akan kebenaran tersebut. Diperingkat ini, semua usaha-usaha pemulihan dan pencegahan sudah tidak perlu dijalankan lagi.

## REMAJA DAN MASALAH SOSIAL

Masalah sosial dan remaja memang tidak dapat dipisahkan dalam senario semasa pada hari ini. Hampir setiap hari kisah yang melibatkan remaja dengan pelbagai masalah sosial dipaparkan kepada masyarakat oleh media massa. Isu masalah sosial dalam kalangan remaja yang berlaku pada hari ini seolah-olah tidak ada jalan penyelesaian walaupun telah banyak tindakan dan inisiatif telah diambil oleh pelbagai pihak dalam masyarakat.


Harian Metro

Setempat

Sus... kerja butik dirogol

# B..wa alat jadi 'senjata'



Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan kepada lebih daripada 300 remaja di sekitar Lembah Klang pada tahun 2012, mendapati majoriti daripada remaja yang telah ditemu bual menyatakan mereka telah terlibat dengan masalah sosial. Remaja yang terlibat dalam kajian tersebut berumur di antara 15 hingga 25 tahun dan majoriti daripada mereka masih berada di alam persekolahan sama ada di peringkat sekolah menengah ataupun universiti. Di antara masalah sosial melibatkan remaja yang ditemubual di tunjukkan di dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Pelbagai Masalah Sosial Melibatkan Remaja

| Jenis Aktiviti | Urutan | Jenis Aktiviti | Urutan |
|---|---|---|---|
| Lepak | 1 | Mengambil pil khayal | 17 |
| Dating | 2 | Black Metal | 18 |
| Menonton cerita lucah | 3 | Mencuri | 19 |
| Onani | 4 | Penagih dadah | 20 |
| Disko | 5 | Bohsia | 21 |
| Baca bahan lucah | 6 | Bohjan | 22 |
| Vandalisme | 7 | Gugur kandungan | 23 |
| SMS Lucah | 8 | Khalwat | 24 |
| Buli | 9 | Tomboy | 25 |
| Bergaduh | 10 | Hamil | 26 |
| Mengintai | 11 | Mak Nyah | 27 |
| Berjudi | 12 | Pelacur | 28 |
| Samseng | 13 | GRO | 29 |
| Minum arak | 14 | Lesbian | 30 |
| Zina | 15 | Gay | 31 |
| Meraba | 16 | Lain-lain | 32 |

Sumber: Shatar, 2010.

Berdasarkan kepada Jadual 1, hampir 32 jenis masalah sosial yang sering dilakukan oleh remaja pada hari ini. Apa yang menyedihkan ialah sikap remaja terhadap tingkah laku mereka yang terlibat dengan masalah sosial ini. Hampir 85% daripada mereka menyatakan rasa seronok apabila melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti di atas (Shatar, 2010). Majoriti daripada remaja yang terlibat ini ialah daripada bangsa Melayu yang beragama

Islam. Mereka bukan sahaja tidak kesal dan malu, malah merasa bangga dan seronok melakukan aktiviti salah laku tersebut dan sering berkongsi cerita mereka dengan rakan-rakan lain melalui media sosial seperti *facebook, twitter, blog* dan seumpamanya.

Iman Al-Ghazali pernah berpesan, untuk melihat keadaan sesuatu bangsa dan negara di masa akan datang, lihatlah kepada senario semasa remaja di dalam masyarakat tersebut. Sekiranya remaja tersebut mempunyai akhlak yang kukuh dan cemerlang keadaan yang sama akan berlaku kepada masyarakat dan negara tersebut pada masa akan datang dan begitulah sebaliknya.

## PERGAULAN BEBAS



Justeru, adalah menjadi satu kewajipan kepada setiap ahli masyarakat untuk mengambil inisiatif agar masalah sosial yang melanda remaja pada hari ini dapat diatasi dengan sebaik mungkin agar inspirasi negara untuk mencapai negara maju mengikut acuan sendiri menjelang 2020 dapat dicapai dengan jayanya.

"*Kami muda lagi, belum puas enjoy, nanti kami bertaubatlah*". "*Tidak mengapa, kami masih muda, tengok macamana nanti*". Respon dan maklumbalas yang sedemikian seringkali diterima daripada remaja yang terlibat dengan masalah sosial yang

dinyatakan sebelum ini. Tidak ada bayangan penyesalan daripada mereka selepas terlibat dengan pelbagai masalah sosial tersebut. Mengapa remaja pada hari ini sudah tidak segan silu lagi terlibat dengan masalah sosial? Apakah yang mendorong mereka untuk melibatkan diri dalam pelbagai masalah sosial tersebut? Semua persoalan ini mungkin dapat dijawab berdasarkan kepada beberapa teori masalah sosial yang dibincangkan di dalam buku ini.

## Teori Masalah Sosial

Ahli-ahli Sosiologi telah merumuskan bahawa terdapat lima teori penting yang boleh memberikan penjelasan mengenai masalah sosial yang berlaku di dalam dunia pada hari ini. Teori-teori tersebut adalah Teori Sosial Pathalogi, Teori Kecelaruan dan Ketidaktentuan Sosial, Teori Konflik Nilai, Teori Salah Laku dan Teori Lebel.

Teori secara umumnya boleh dianggap sebagai suatu usaha yang dibuat untuk memberikan penjelasan dan penerangan mengenai sebarang kejadian, tekaan, kebendaan, idea atau tingkah laku secara komprehensif. Dalam ilmu sosiologi, teori adalah sekumpulan kenyataan yang digunakan untuk memberi penjelasan mengenai masalah, tindakan, ataupun tingkah laku. Teori yang berkesan adalah teori yang mempunyai kedua-duanya iaitu kuasa penjelasan dan ramalan atau prediktif. Dengan cara ini, teori boleh digunakan untuk memberikan gambaran yang umum dan menyeluruh mengenai perubahan-perubahan yang berlaku dalam sesebuah masyarakat.

## Teori Sosial Pathalogi

Mengikut teori ini, individu yang terlibat dengan aktiviti dan kegiatan yang bercanggah dengan nilai dan norma kehidupan masyarakat dianggap sebagai individu yang tidak waras atau sakit pemikirannya dan mereka ini wajar untuk dikenakan tindakan. Bagi

mereka yang sentiasa mengikut aturcara kehidupan dan nilai sosial dengan baik dianggap sebagai individu yang sihat pemikirannya. Pengasas kepada teori ini berpendapat bahawa sekiranya tidak ada individu atau kumpulan yang melibatkan diri dengan kegiatan mahupun aktiviti yang melanggar nilai dan norma kehidupan masyarakat, masalah sosial pasti tidak akan berlaku. Ahli-ahli pathalogi diperingkat awal ada yang berpendapat bahawa individu atau kumpulan yang terlibat dengan masalah sosial ialah mereka yang datang dari kelas atau keturunan yang rendah atau tidak sempurna dalam sesebuah masyarakat.

Casare Lombroso (1935) telah menjalankan kajian ke atas beberapa orang penjenayah untuk melihat ciri-ciri biologi yang dimiliki oleh penjenayah tersebut. Berdasarkan kepada kajian Lombroso, didapati penjenayah-penjenayah ini mempunyai ciri-ciri fizikal yang tertentu. Diantaranya ialah mereka mempunyai dagu yang panjang, rendah dan saiz telinga yang besar.

Kajian yang terbaharu oleh ahli-ahli pathalogi mendapati bahawa keadaan persekitaran juga memainkan peranan untuk mempengaruhi seseorang individu atau kumpulan untuk terlibat dengan kes-kes salahlaku ataupun masalah sosial. Antara elemen-elemen persekitaran yang boleh menjadikan seseorang itu sebagai "budak baik" atau "budak jahat" adalah perkembangan teknologi, sistem birokrasi, urbanisasi, dan sistem politik di sesebuah masyarakat yang terlibat.

Sebagai contoh, ahli-ahli pathalogi mempunyai perbezaan pendapat mengenai sebab utama berlakunya masalah sosial. Pandangan yang menyatakan masalah sosial ini disebabkan mereka yang lahir dari keturunan yang rendah atau lahir dalam keadaan yang tidak sempurna akan dapat diselesaikan sekiranya perkembangan mereka dikawal semenjak kecil lagi. Bagi mereka yang berpendapat bahawa kawasan persekitaran yang menjadi penyebab, maka

masalah sosial boleh dibenteras dengan memastikan kawasan persekitaran itu baik dan sihat untuk pembangunan dan tingkah laku masyarakat.



## Teori Kecelaruan dan Ketidaktentuan Sosial

Sejarah Teori Kecelaruan dan Ketidaktentuan Sosial ini bermula selepas Perang Dunia yang ke-2. Pada ketika itu, suasana masyarakat khususnya di Amerika amat celaru. Pelbagai perkara berlaku ketika itu seperti penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar, pertumbuhan bandar-bandar baharu, pembangunan dan kemajuan perkembangan teknologi, serta kewujudan pelbagai masalah sosial.

Suasana yang sedemikian amat mengelirukan masyarakat kerana peraturan dan aturcara yang wujud ketika itu tidak mampu untuk memandu masyarakat berfungsi dengan baik. Oleh kerana suasana dan keadaan tersebut baru bagi kebanyakan ahli masyarakat, maka segala-galanya ketika itu menjadi asing dan tidak jelas bagi mereka. Kekurangan peraturan dan undang-undang untuk memandu kegiatan harian mereka menambahkan lagi suasana kecelaruan ini. Apa yang berlaku di negara Iraq selepas kejatuhan

Saddam merupakan contoh yang terbaharu mengenai kecelaruan dan ketidaktentuan sosial apabila masyarakat tidak dibekalkan dengan undang-undang dan peraturan yang jelas.

Berdasarkan kepada senario di atas, ahli-ahli sosiologi telah meghasilkan Teori Kecelaruan dan Ketidaktentuan Sosial ini untuk menerangkan bagaimana seseorang individu dan kumpulan boleh terlibat dengan masalah sosial. Mengikut teori ini, masalah sosial ini berlaku akibat kegagalan peraturan-peraturan yang ada untuk berfungsi dengan baik dan efektif. Ada tiga sebab mengapa keadaan ini boleh berlaku. Tiga sebab utama tersebut ditunjukkan di dalam Gambar rajah 3 di bawah.




**Gambar rajah 3** Punca Berlaku Masalah Sosial

Sumber: Standley, 2003.

### *Tiada Panduan*

Keadaan ini berlaku kerana tidak wujud sebarang peraturan yang boleh memandu sikap dan tingkahlaku masyarakat untuk menjalankan kegiatan seharian mereka. Oleh yang demikian, masyarakat bebas berbuat apa sahaja untuk memastikan mereka terus hidup dalam suasana masyarakat tersebut.

### *Konflik Budaya*

Konflik budaya ini wujud kerana berlakunya situasi dimana tindakan daripada tingkahlaku yang sama akan mengakibatkan hukuman dan reaksi yang berbeza daripada masyarakat yang berbeza. Sebagai contoh, budaya memegang tangan di antara lelaki sesama lelaki menjadi perkara biasa di negara Bangladesh tetapi perbuatan tersebut dipandang serong di negara lain seperi Jepun, Amerika Syarikat dan sebagainya.

### *Break Down*

Keadaan ini berlaku apabila undang-undang atau peraturan yang wujud sudah tidak lagi menjamin keselamatan dan keselesaan masyarakat. Individu atau kumpulan yang mengikut setiap peraturan yang diwujudkan tidak akan mendapat apa-apa faedah atau ganjaran seperti yang telah dijanjikan. Malah, kadang kala individu ataupun kumpulan yang mengikut peraturan ini dihukum dengan hukuman yang tidak wajar sama sekali.

Kesan daripada Teori Kecelaruan dan Ketidaktentuan Sosial ini amatlah besar kerana ia boleh memusnahkan kehidupan seseorang individu ataupun masyarakat. Kekecewaan yang terhasil daripada kehidupan tanpa panduan, konflik budaya dan keruntuhan peraturan atau *break down* ini boleh membawa kepada beberapa masalah

sosial yang lain seperti penyalahgunaan dadah, pembunuhan, penculikan dan bunuh diri. Ekoran daripada masalah seperti ini sesebuah masyarakat tersebut mungkin hancur dan lumpuh.

## Teori Konflik Nilai

Umumnya, setiap masalah sosial melibatkan konflik nilai dalam sesebuah masyarakat. Perkara utama yang dibincangkan dalam teori ini ialah setiap manusia mempunyai hak untuk mempertahankan kepentingan nilai dan norma sendiri tanpa mengira di mana mereka berada.

Teori ini mempunyai hubungan yang kuat dengan teori konflik yang diasaskan oleh Karl Marx. Mengikut teori ini, masalah sosial berlaku kerana wujudnya perbezaan sosial dalam sesebuah masyarakat. Terdapat jurang yang besar antara mereka yang memiliki dengan mereka yang tidak memiliki. Justeru, wujudlah perbezaan nilai diantara yang kaya dan yang miskin. Apabila perbezaan ini wujud, maka konflik akan berlaku. Kumpulan yang kaya mungkin tidak merasa senang dengan nilai yang dimiliki oleh kumpulan yang miskin dan begitulah juga sebaliknya.



Mencari makanan di tempat pembuangan sampah pada pandangan kumpulan atasan merupakan suatu perbuatan yang mendatangkan masalah kepada mereka kerana sampah sarap akan bertaburan dan sebagainya. Bagi kumpulan yang miskin pula, aktiviti sedemikian merupakan satu perjuangan untuk meneruskan kehidupan mereka.

Mengikut teori ini, segala masalah sosial yang wujud pada hari ini dapat diselesaikan sekiranya masyarakat dapat mewujudkan komuniti yang sama rata diantara satu sama lain. Perasaan saling faham memahami antara kumpulan yang terlibat akan mengurangkan konflik yang berlaku sesama mereka. Perbezaan nilai di antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain dapat dihapuskan dengan baik dan cepat sekiranya keadaan sedemikian dapat direalisasikan.

Teori Konflik Nilai boleh mengakibatkan berlakunya polarasi dalam sesebuah masyarakat. Akibat yang lebih buruk daripada polarasi ini adalah masyarakat akan bermasam muka diantara satu sama lain dan berlakunya pergaduhan sesama mereka sehingga ada yang akan terjerumus ke kancah peperangan.

## Teori Salah Laku

Mengikut Teori Salah Laku, masalah sosial yang wujud merupakan gambaran umum mengenai nilai dan masyarakat yang terlibat. Semakin banyak dan besar masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat tersebut, semakin buruklah pandangan orang luar terhadap nilai dan norma masyarakat tersebut.

Mengikut teori ini, individu atau kumpulan yang terlibat dengan masalah sosial ialah mereka yang ingin menunjukkan kepada masyarakat bahawa mereka membantah dan tidak bersetuju dengan peraturan yang ada. Kumpulan seumpama ini sebenarnya ingin mewujudkan nilai dan peraturan sendiri yang sesuai dengan diri dan cara hidup individu tersebut. Oleh kerana peraturan dan nilai


18.03.2012 » AHAD

Jangan sampai jadi mangsa

Nurul Nadirah dibunuh, dibakar

yang sedia ada tidak sesuai dengan mereka, maka mereka mengambil keputusan untuk melanggar peraturan tersebut.

Ada beberapa sebab mengapa individu atau kumpulan tersebut sanggup melanggar peraturan dan nilai yang sedia ada sehingga menyebabkan mereka terlibat dengan pelbagai masalah sosial. Di antara sebab-sebab tersebut adalah:

- Mereka mempunyai peluang yang terhad untuk belajar cara-cara dan nilai yang dimiliki dan dipersetujui oleh masyarakat umum pada keseluruhannya.
- Mereka ingin mendapatkan atau mencapai sesuatu matlamat atau tujuan yang dihajati sejak sekian lama.
- Mereka terdedah dengan keadaan dan suasana tingkah laku yang tidak sihat ini dalam jangka waktu yang lama ataupun panjang.
- Untuk melepaskan masalah peribadi.
- Masyarakat melihat 'kejayaan' sebagai suatu perkara yang menarik dan 'kegagalan' sebagai suatu perkara yang buruk dan rendah.
- Masyarakat tidak mengendahkan atau mempedulikan mereka.

## Teori Melebel

Mengikut teori ini, masalah sosial yang berlaku pada hari ini adalah berdasarkan kepada reaksi masyarakat itu sendiri. Sekiranya sesebuah masyarakat itu merasakan sesuatu perbuatan itu sebagai satu masalah sosial, maka ia akan diterima sebagai masalah sosial oleh masyarakat tersebut.

Keadaan ini juga boleh berlaku kepada seseorang individu atau kumpulan. Sekiranya apa yang mereka lakukan itu dianggap oleh masyarakat sebagai satu masalah sosial, maka individu atau kumpulan tersebut akan dianggap sebagai orang yang terlibat dengan masalah sosial. Keadaan yang sebegini dikenali sebagai melebel atau *labeling.*

Mengikut teori melebel atau *lebeling* ini terdapat dua kaedah untuk menerangkan bagaimana seseorang individu ataupun kumpulan itu boleh diklasifikasikan sebagai seorang yang terlibat dengan masalah sosial. Dua klasifikasi tersebut ialah Salah Laku Utama dan Salah Laku Skunder



***Salah Laku Utama***

Mengikut kaedah ini, manusia pada dasarnya seringkali melakukan perkara-perkara yang boleh dianggap sebagai satu masalah sosial kerana perkara tersebut bercanggah dengan nilai dan norma kehidupan masyarakat tersebut. Walau bagaimanapun, masyarakat seringkali melihat perbuatan tersebut sebagai satu perkara yang biasa dan terpaksa diterima. Oleh yang demikian, individu yang terlibat dengan perbuatan tersebut tidak dilebelkan sebagai orang yang terlibat dengan masalah sosial.

Sebagai contoh, seorang pegawai bank berlari dalam keadaan telanjang kerana cuba menyelamatkan diri daripada api yang sedang marak membakar bank sewaktu dia bekerja. Keadaan yang sama juga berlaku apabila pelajar universiti terpekik terlolong apabila musim peperiksaan atau tarikh penghantaran projek sudah hampir. Dalam keadaan yang dinyatakan di atas, masyarakat tidak akan melebelkan mereka sebagai orang yang terlibat dengan masalah sosial kerana masyarakat merasakan perbuatan itu merupakan perkara biasa dan boleh diterima dalam menghadapi situasi-situasi yang dinyatakan.



Perbuatan yang sama akan dianggap sebagai satu masalah sosial yang serius apabila kedua-dua perbuatan itu dilakukan di luar daripada senario seperti di atas. Sebagai contoh, pegawai tersebut dengan tiba-tiba berlari keluar daripada bank tanpa seurat benang ditubuhnya atau pun seorang pelajar tiba-tiba menjerit dan melolong tanpa ada apa-apa yang berlaku dipersekitarannya.

Ada juga di antara masyarakat yang tidak mengambil kisah mengenai perbuatan atau aktiviti tersebut. Akibatnya, individu ataupun kumpulan yang terlibat dengan perkara tersebut melihat perbuatan mereka sebagai suatu perkara yang boleh diterima oleh masyarakat. Contoh yang boleh digunakan di sini adalah perbuatan duduk berdua-duaan di tempat-tempat sunyi ataupun perbuatan berpegang-pegangan tangan antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim.

Dalam ajaran agama Islam, perbuatan-perbuatan di atas adalah suatu masalah sosial dan ianya adalah satu kesalahan. Oleh kerana masyarakat tidak mengambil peduli terhadap perkara tersebut, maka individu atau kumpulan yang terlibat meneruskan perbuatan pereka tanpa merasakan apa-apa kesalahan kerana masyarakat telah menerima perbuatan tersebut tanpa sebarang bantahan atau rungutan.

### *Salah Laku Sekunder*

Salah Laku Sekunder adalah perkara yang bertentangan dengan salah laku utama. Mengikut kaedah ini, masyarakat amat prihatin dan sensitif terhadap apa yang berlaku di sekeliling mereka. Bagi masyarakat yang menggunakan kaedah ini, setiap aktiviti atau perbuatan yang bercanggah dengan nilai dan norma kehidupan masyarakat tersebut akan dilebelkan sebagai suatu masalah sosial yang perlu diperbetulkan dengan segera. Pada kebiasaannya hukuman, denda dan pelbagai cara lagi akan digunakan untuk

menghukum atau mengawal supaya masalah tersebut dapat dibendung ataupun diselesaikan. Individu atau kumpulan yang berlari dalam keadaan telanjang atau menjerit tanpa alasan yang kukuh dan munasabah akan dilebelkan sebagai orang yang tidak siuman atau gila. Sekiranya mereka meneruskan perlakuan tersebut, maka lebel berkenaan akan sebati dengan diri individu atau kumpulan yang terlibat.

Mengikut teori ini, melebelkan seseorang individu atau kumpulan dengan lebel yang tidak baik merupakan suatu perbuatan yang akan mendatangkan kesan negatif kepada individu atau kumpulan tersebut. Ini adalah kerana, individu atau kumpulan yang dilebelkan itu akan merasa tertekan dan sebagai tanda memberontak mereka akan melakukan apa yang dilabelkan oleh masyarakat kepada mereka. Sebagai contoh, sekiranya seorang lelaki yang dilebelkan sebagai seorang pencuri berkemungkinan besar akan melibatkan dirinya dalam perbuatan tersebut, walaupun pada awalnya dia bukanlah seorang pencuri.



Ini adalah disebabkan lebel tersebut telah menghadkan peluang kehidupannya untuk maju kehadapan. Oleh kerana peluangnya amat terhad, maka lelaki tersebut akan sentiasa berada dalam keadaan yang tersepit. Salah satu cara yang mudah untuk keluar daripada tekanan yang sedemikian adalah dengan melakukan apa yang dilebelkan kepadanya agar individu yang terlibat boleh terus hidup. Selain daripada teori-teori utama di atas, terdapat juga beberapa buah teori lain yang sesuai untuk menerangkan pelbagai masalah sosial yang berlaku dalam sesebuah masyarakat pada hari ini. Di antara teori-teori tersebut adalah Teori Konflik, Teori Fungsional, dan Teori Simbolik Interaksionis.


SETEMPAT

Bakar mayat

Bunuh kejam tuntut ilmu hitam

## Teori Konflik

Teori Konflik ini berasaskan kepada ideologi Karl Marx yang memberi pengiktirafan kesamarataan kepada setiap kumpulan masyarakat. Berdasarkan kepada teori ini, masalah sosial yang berlaku di dalam sesebuah masyarakat adalah disebabkan wujudnya perbezaan kuasa dan kedudukan dalam sesebuah masyarakat. Perbezaan ini boleh berlaku dalam pelbagai aspek

terutamanya dalam bidang ekonomi dan sosial. Apabila wujudnya ketidakseimbangan ini, masyarakat akan seringkali bertelagah di antara satu sama lain untuk mendapatkan dua status utama dalam sesebuah masyarakat iaitu status ekonomi dan sosial.

Mengikut teori ini, kewujudan jurang ekonomi dan sosial yang besar di dalam sesebuah masyarakat akan menyumbang kepada berlakunya masalah sosial yang lebih serius. Justeru, untuk tujuan penyelesaian, teori ini mencadangkan agar agihan yang sama rata perlu dilaksanakan di dalam sesebuah masyarakat untuk merapatkan jurang berbezaan dalam bidang ekonomi dan sosial ini. Dengan pengurangan ini masalah sosial yang wujud didalam masyarakat tersebut dapat dikurangkan dengan lebih efektif.

## Teori Fungsional

Mengikut teori ini, masalah sosial yang berlaku di dalam sesebuah masyarakat adalah disebabkan kegagalan ahli masyarakat mengadaptasikan diri mereka dengan keadaan dan suasana yang berlaku dilokasi di mana mereka berada. Kegagalan masyarakat daripada Bangladesh dan Indonesia mengadaptasikan diri mereka dengan peraturan dan suasana masyarakat Malaysia menyebabkan berlakunya pelbagai masalah sosial. Senario bersiul dalam kalangan lelaki Bangladesh kepada wanita adalah merupakan suatu amalan biasa yang tidak mendatangkan apa-apa kesan negatif sekiranya ia dilakukan di negara Bangladesh. Amalan yang sama jika dilakukan kepada golongan wanita Indonesia akan mengundang pelbagai masalah sosial yang serius sehingga ke tahap berlakunya pembunuhan.

Justeru, teori ini menyarankan agar setiap individu yang sering berhijrah atau melancong ke destinasi tertentu perlu memahami adat resam dan budaya lokasi yang akan dilawati atau dikunjungi. Kesediaan individu terlibat untuk mengadaptasikan diri mereka

dengan senario setempat dapat mengurangkan ataupun mencegah dari berlakunya masalah sosial di tempat tersebut.




Teori ini turut menjelaskan masalah sosial dapat juga dibendung dengan berkesan jika setaip ahli masyarakat dapat mengamalkan sikap saling memahami dan toleransi di antara satu sama lain di antara ahli masyarakat yang terlibat. Dengan wujudnya dua sifat ini sesebuah masyarakat akan mampu hidup dalam keadaan yang amat harmoni.

## Teori Simbolik Interaksionis


30 Setempat

Fikir dulu sebelum

Mengikut Teori Simbolik Interaksionis, tidak ada seseorang individu pun yang secara sengaja ingin melakukan sebarang masalah sosial. Walau bagaimanpun masalah sosial masih tetap berlaku di dalam sesebuah masyarakat. Ini adalah disebabkan masalah

tersebut berlaku kerana beberapa faktor yang mendesak atau memaksa ianya berlaku.

Antara faktor yang mendorong berlakunya masalah sosial dalam kalangan masyarakat walaupun pada hakikatnya ahli masyarakat yang terlibat tidak merancang untuk melakukanya ialah seperti faktor kemiskinan, kelaparan, keselamatan dan sebagainya. Seseorang mungkin terpaksa mencuri makanan untuk membolehkan ia terus hidup dan seseorang mungkin terpaksa membunuh untuk mengelakkan harta bendanya daripada dicuri oleh orang lain.

Oleh yang demikian, teori ini mencadangkan agar masyarakat tidak bagitu terburu-buru untuk menuduh seseorang tanpa menyiasat apakah punca utama yang menyebabkan seseorang itu terlibat dengan masalah sosial. Kaedah yang digunakan oleh Teori Simbolik Interaksionis ini dikenali sebagai *ampathy* atau menjiwai dengan meletakkan diri sendiri ditempat mereka yang terlibat.


Usah percaya anak 100 peratus

Daripada perbincangan dan penjelasan di atas, masalah sosial yang berlaku di dalam masyarakat pada hari ini amatlah kompleks. Hampir setiap hari ada sahaja masalah baru yang muncul dalam sesebuah masyarakat dan senario masalah tersebut semakin sukar untuk diselesaikan. Terlalu banyak kriteria dan faktor yang menyumbang kepada mengapa berlakunya masalah sosial pada

masa ini. Salah satu masalah sosial yang wujud di era Generasi Y pada hari ini ialah *money boy*. Walaupun isu yang berkaitan dengan *money boy* ini masih belom diklasifikasikan sebagai serius, namun ia perlu diberi perhatian yang sewajarnya sebelum ia menjadi barah dan penyakit kronik dalam sesebuah masyarakat. Ini adalah disebabkan masalah *money boy* ini boleh diumpamakan seperti api dalam sekam kerana kesan daripada aktiviti *money boy* ini akan menjadikan sesebuah masyarakat dan negara lumpuh dan kucar kacir.

## FAKTOR PENYUMBANG KEPADA *MONEY BOY*

Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada berlakunya aktiviti *money boy* dalam kalangan remaja pada hari ini. Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh Shatar (2012) tiga punca utama yang mendorong mengapa ramai daripada remaja, khususnya remaja melayu memilih untuk menjadi *money boy*. Tiga punca utama tersebut di tunjukkan dalam Gambar rajah 4 di bawah.




**Gambar rajah 4** Punca Mengapa Menjadi *Money Boy*

Sumber: Shatar, 2012.

Faktor utama yang menyumbang kepada aktiviti *money boy* ini ialah duit ataupun bayaran yang diperolehi oleh *money boy* selepas memberikan perkhidmatan kepada pelanggan. Berdasarkan kepada laporan yang diperolehi daripada temubual dengan *money boy* secara purata setiap *money boy* boleh memperolehi pendapatan diantara RM200 hingga RM300 untuk setiap perkhidmatan yang diberikan. Ada juga diantara mereka yang memperolehi pendapatan sehingga mencecah ribuan ringgit untuk satu malam. Kadar bayaran untuk perkhidmatan *money boy* ini meningkat pada setiap hujung minggu. Bayaran yang dikenakan oleh *money boy* seperti yang dinyatakan di atas tidak termasuk tips dan hadiah yang diberikan oleh pelanggan mereka. Di antara tips dan hadiah yang sering diterima oleh *money boy* ialah barang-barang kegunaan harian seperti telefon, jam tangan, pakaian dan juga percutian.

> *"..... kerja senang je bukan susah pun...layan je apa yang mereka suka...kalau mereka happy..banyak le kite dapat...dan nextime mereka akan cari kite lagi."*
>
> *Money Boy 1, 2012*



Keinginan untuk hidup seperti rakan-rakan lain juga turut menyumbang kepada berlakukan gejala *money boy* ini dalam kalangan remaja pada hari ini. Kesempitan hidup dengan pendapatan yang kecil ditambah dengan keinginan untuk hidup mewah telah membawa ramai dalam kalangan remaja memilih untuk menjadikan *money boy* sebagai kerjaya sampingan. Dengan menjalankan aktiviti *money boy* ini, seseorang itu boleh memperolehi pendapatan bulanan sehingga RM5000. Dengan pendapatan sebanyak ini untuk setiap bulan ditambah dengan gaji yang sedia ada, mereka yang terlibat dengan aktiviti ini mampu untuk hidup mewah dan memiliki pelbagai peralatan yang tidak mampu dibeli jika tidak menjalankan aktiviti *money boy* ini. Kenyataan ini disokong oleh *Money Boy* 2 semasa beliau ditemubual.

> *"..... Dulu sebelum saya jadi money boy...cukup bulan gaji habis...ye la..gaji kecik je...kurang dari RM1500...masa tu nak beli apa pun kena kira betul-betul...tapi sekarang.. semua tu dah berlalu...setiap bulan saya boleh dapat minimum RM5000...kalau saya rajin saya boleh dapat lebih dari itu..."*
>
> *Money Boy 2, 2012*

Keinginan nafsu sesama jenis juga turut mendorong seseorang individu terlibat dengan aktiviti *money boy* ini. Walaupun keinginan nafsu sesama jenis ini bukanlah faktor utama berlakunya *money boy*, namun faktor ini turut juga menyumbang kepada masalah ini. Kenyataan ini disokong oleh *Money Boy* 3 dan *Money Boy* 4 semasa sesi temubual yang diadakan.

*"..... sebenarnya.saya tak le suka sangat pada lelaki ni. Sebab naluri saya masih pada perempuan..tetapi kalau tak de langsung pulak nanti pelanggan macam rasa kita tak enjoy masa layan mereka..so suka tak suka kena juga paksakan diri untuk minat dan enjoy semasabersama dengan mereka..."*

*Money Boy 3, 2012*

*"....bukan senang nak tukar selera...tapi sebab duit punya pasal...semua tu boleh di atur....dan setelah beberapa bulan terlibat dengan aktiviti ini saya dah rasa selesa dan pelanggan saya rasa puas...."*

*Money Boy 4, 2012*

Ketiga-tiga faktor tersebut mempunyai hubungkait yang kuat diantara satu sama lain sebagai pendorong kepada berlakunya aktiviti *money boy* ini. Kecenderungan seseorang akan menjadi lebih kuat untuk melibatkan diri dalam aktiviti ini sekiranya ketiga-tiga faktor tersebut hadir dalam diri seseorang pada masa yang sama.

## CIRI-CIRI *MONEY BOY*

Secara umumnya adalah sangat sukar bagi sesebuah masyarakat untuk mengenalpasti sama ada ada seseorang itu terlibat dengan aktiviti yang tidak sihat ini. Ini adalah disebabkan mereka yang terlibat dengan aktiviti *money boy* tidak mempunyai perbezaan yang jelas dengan individu lain dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada penyelidikan yang dilakukan oleh Shatar (2012) terdapat beberapa ciri konsisten yang dimiliki bersama oleh mereka yang terlibat dengan aktiviti *money boy* ini. Di antara ciri-ciri tersebut ditunjukkan dalam Gambar rajah 5.




**Gambar rajah 5** Ciri-ciri *Money Boy*

Sumber: Shatar, 2012.

## Rupa Paras yang Menarik

Memang tidak dapat dinafikan, mempunyai rupa paras yang menarik merupakan kriteria utama untuk melibatkan diri dengan aktiviti *money boy* ini. Rupa paras menjadi ukuran utama ataupun penentu samada ada seseorang itu boleh meneruskan keterlibatannya dengan aktiviti ini atau sebaliknya. Pepatah Inggeris ada menyatakan, *first impression last longer*. Pepatah ini amat bertepatan dengan aktiviti *money boy* kerana perkara pertama yang akan dinilai oleh pelanggan *money boy* ialah rupa paras mereka. Jika rupa paras mereka yang terlibat dengan aktiviti ini amat menarik ia secara tidak langsung akan menarik minat pelanggan untuk mendapatkan perkhidmatan

*money boy* tersebut. Kenyataan ini disokong oleh pelanggan *money boy* yang telah ditemubual dalam penyelidikan ini. Di antara maklumbalas pelanggan tersebut ialah seperti dibawah.

> *"....selalu saya suka pilih yang hensem...biar sedap mata memandang...lagipun kita bayar bukan free..worth for money. Tapi selalunya yang hensem ni mahal sikit tapi saya tak kisah..janji saya happy.."*
>
> *Pelanggan Money Boy 1, 2012*

> *"....ada juga money boy yang kurang hensem..tapi selalu saya pilih yang hensem je lah dan muda dan selalu memang saya dapat...."*
>
> *Pelanggan Money Boy 2, 2012*

## Mempunyai Rupa *Baby Face*



*Baby face* merujuk kepada rupa paras yang sukar untuk dimakan usia walaupun umur sudah meningkat. Individu yang memiliki *baby face* ini akan sentiasa kelihatan muda dan ceria walaupun usia mereka sudah jauh meningkat. Secara umumnya, individu yang memiliki *baby face* ini seringkali digemari ramai kerana *baby* memang amat disukai oleh semua orang. *Money boy* yang memiliki *baby face* ini sering dilanggan terutamanya mereka yang suka memberi belaian kasih sayang dan manja kepada *money boy*. Kenyataan ini disahkan sendiri oleh beberapa pelanggan *money boy* yang telah ditemubual. Di antaranya ialah seperti berikut.

> *"....suka sebab muka mereka macam baby..mana ada orang tak suka baby..tapi baby ni lain sikit sebab dia boleh respon kepada keperluan kita. ...."*
>
> *Pelanggan Money Boy 3, 2012*

> *"....saya suka yang clean face macam baby. Kalau yang bermisai dan berjambang tu macam geli la pulak..tapi memang budak-budak ni semua macam baby je...."*
>
> *Pelanggan Money Boy 4, 2012*

## Mempunyai Umur yang Muda Sekitar 20-an

Usia yang muda dalam lingkungan 20-an ditambah dengan rupa paras yang menarik menjadi salah satu kriteria utama untuk melibatkan diri sebagai *money boy*. Walaupun terdapat sekumpulan kecil dalam kalangan *money boy* yang sudah mencecah awal 30-an namun jumlahnya adalah terlalu kecil dan seringkali kumpulan ini mempunyai *baby face* yang melindungi umur sebenar mereka.



Golongan remaja yang berada dalam lingkungan usia ini merupakan kumpulan yang terdedah kepada keperluan dan kemewahan semasa seperti rakan-rakan mereka yang lain.

Ketika ini sumber kewangan mereka tidak begitu stabil dan mantap. Justeru itu untuk membolehkan mereka menikmatan kemewahan dan keperluan semasa dengan cara yang mudah ialah dengan melibatkan diri dalam aktiviti ini. Memiliki usia yang

muda dan ditambah dengan memiliki rupa paras yang menarik memudahkan lagi usaha mereka menceburikan diri dengan aktiviti *money boy* ini. Berdasarkan kepada kajian yang djalankan majoriti daripada *money boy* akan berhenti melibatkan diri dengan aktiviti selepas menamatkan zaman bujang mereka walaupun ada sebahagian kecil daripada mereka yang meneruskan aktiviti ini.

## Bentuk Badan yang Menarik

Adalah menjadi idaman kepada majoriti daripada pelanggan *money boy* untuk mendapatkan perkhidmatan daripada *money boy* yang mempunyai bentuk badan yang sangat menarik. *Money boy* yang memiliki bentuk badan yang menarik seringkali mendapat permintaan yang tinggi. Bonus kepada *money boy* yang memiliki *six pack* pada bahagian perut mereka.

Oleh yang demikian, tidak hairanlah di antara aktiviti wajib kepada majoriti daripada *money boy* ialah riadah di pusat kesihatan untuk mendapat bentuk badan yang menarik. Berikut ialah kenyataan yang diberikan oleh sebahagian daripada *money boy* yang telah ditemui.

> *"....hampir setiap hari saya menghabiskan sekurang-kurangnya dua jam di gimnasium untuk mendapatkan bentuk badan yang ada seperti ini. Pelanggan saya ramai yang memuji bentuk badan saya dan mereka suka kepada bentuk seperti ini. Kadang-kadang saya kenakan caj kepada mereka yang hendak menyentuh six pack saya...."*
>
> *Money Boy 5, 2012*

*" ...majoriti daripada pelanggan saya sukakan bentuk badan yang sasa dan mereka bersedia untuk membayar lebih kalau kami mempunyai susuk badan yang cantik. Itu sebab saya akan pastikan setiap minggu sekurang-kurangnya saya akan buat latihan di gimnasium 4 kali agar bentuk badan saya kekal cantik dan sasa...."*

*Money Boy 6, 2012*

Justeru, adalah menjadi satu kebiasaan kepada pusat kecerdasan menjadi tempat yang sangat popular dalam kalangan *money boy* untuk berkumpul dan bertemu dengan pelanggan baru mereka. Kesempatan dan peluang membina bentuk badan yang menarik di pusat kecedersaan digunakan sebaik mungkin oleh golongan *money boy* untuk berkenalan dan mencari pelanggan-pelanggan baru untuk aktiviti mereka. Ada juga beberapa buah pusat kecerdasan di ibu kota yang menyediakan tempat khas untuk golongan *money boy* ini bertemu dengan pelanggan mereka tanpa perlu pergi ketempat lain untuk mencapai tujuan pertemuan tersebut.



Pusat-pusat kecerdasan ini seringkali berlindung dibawah nama pusat kecerdasan dan spa agar pihak berkuasa tidak dapat menghidu aktiviti-aktiviti sumbang yang dijalankan. Bilik gelap, *shower room*, dan bilik *B2B* menjadi sangat sinonim dengan pusat kecerdasan dan spa untuk membolehkan kumpulan *money boy* dan pelanggan mereka mencapai hasrat dan matlamat yang diinginkan.





Gambar-gambar di atas adalah sebahagian daripada suasana yang seringkali dapat dilihat di pusat-pusat kecerdasan dan spa yang menawarkan kemudahan kepada *money boy* untuk bertemu dan melayan pelanggan mereka tanpa perlu pergi ke lokasi lain.

## Memiliki Kemahiran Komunikasi yang Baik

Kemampuan untuk berkomunikasi dengan baik merupakan nilai tambah yang sangat penting kepada kejayaan seorang *money boy* untuk diminati oleh pelanggan mereka. Mempunyai kebolehan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa juga menjadikan *money boy* tersebut menjadi rebutan ramai pelanggan terutamanya yang datang daripada negara luar.

Kemahiran berkomunikasi ini menjadi salah satu daripada kriteria utama untuk menjadi *money boy* kerana kemahiran ini boleh menjadikan pelangan merasa seronok kerana mereka boleh berbual-bual dengan menggunakan bahasa dan kata-kata yang romantis. Kelemahan dalam kemahiran berkomunikasi akan menyebabkan pelanggan akan menjadi cepat jemu dan bosan.

> *" ...pelanggan ni bukan apa kadang-kadang..mereka suka borak-borak dan bercakap mesra je dengan kami. Jadi kalau kita boleh bercakap dengan baik.. mereka sangat suka dan gembira. Kadang-kadang ada pelanggan dari negara luar dan mereka hanya boleh berbahasa Inggeris..jadi kami kena juga menguasai bahasa Inggeris dengan baik.."*
>
> *Money Boy 6, 2012*

## Menguasai Bahasa Inggeris dengan Baik

Mempunyai kemahiran menguasai lebih dari satu bahasa adalah menjadi satu keistimewaan kepada *money boy*. Lebih banyak bahasa yang dikuasai maka lebih ramailah pelanggan yang boleh diperolehi. Salah satu bahasa yang menjadi keutamaan kepada *money boy* ialah bahasa Inggeris. Ini adalah disebabkan majoriti daripada pelanggan luar negara menggunakan bahasa Inggeris untuk berinteraksi dengan *money boy*. Kemampuan dan kelancaran *money boy* menguasai bahasa Inggeris menjadikan diri mereka lebih menarik dibandingkan dengan *money boy* yang lain.

Pada kebiasaannya *money boy* lebih suka melayani pelangan luar negara kerana bayaran yang diperoleh oleh mereka jauh lebih tinggi daripada bayaran yang diperolehi daripada pelanggan tempatan.

*"...saya lebih suka melayan pelanggan asing terutamanya matt salleh, sebab mereka bayar lebih dan kadang-kadang mereka bayar dalam USD ataupun Pound. Kalau pelanggan tempatan harga bayaran rendah sahaja ..kadang-kadang 20% daripada apa yang boleh saya perolehi dari pelangan luar negara."*

*Money Boy 8, 2012*

*Money boy* yang boleh menguasi bahasa Inggeris juga seringkali bernasib baik apabila mereka diajak untuk melancong ke negara pelanggan mereka seperti Eropah, USA, New Zeland dan sebagainya. Justeru itu tidak hairanlah ramai di antara *money boy* yang berlumba-lumba pergi ke kelas-kelas tambahan Bahasa Inggeris untuk membantu mereke menguasai bahasa tersebut dengan baik

## Mempunyai Ciri-ciri Lelaki Metroseksual

Lelaki yang bercirikan metroseksual amat mementingkan kecantikan diri dan kesihatan. Lelaki metroseksual akan sentiasa memastikan penampilan mereka menarik terutamanya pada gaya dan peribadi. Lelaki metroseksual ini tidak terbatas kepada satu-satu usia sahaja. Ianya bergantung kepada kemahuan diri atau individu yang terlibat. Bagi lelaki metroseksual, apa yang penting ialah mereka perlu sentiasa kelihatan segak dan menarik.

Lelaki metroseksual kebiasaannya terdiri daripada kelompok anak muda yang tinggal di ibu kota dan menjawat jawatan tinggi, hidup mewah, mencintai fesyen, melakukan perawatan wajah dan tubuh badan. Wajah mereka dihias rapi dan disapu bedak asas lengkap dengan pelembap bibir. Mereka juga sering digambarkan mempunyai kulit mulus dan lembut hasil daripada penggunaan produk kecantikan berjenama.




Lelaki metroseksual tidak semestinya lelaki homoseksual atau gay. Mereka hanya lelaki yang amat memberikan perhatian yang serius kepada diri dan penampilan mereka sepanjang masa. Menurut pandangan lelaki metroseksual, kecantikan rupa paras bukan hanya untuk golongan wanita sahaja tetapi ia juga perlu dinikmati dan dirasai oleh golongan lelaki.





## LOKASI AKTIVITI *MONEY BOY*

Di Malaysia lokasi yang sangat popular dalam kalangan *money boy* ialah di pusat bandar Kuala Lumpur. Diantara lokasi yang menjadi tumpuan utama kepada golongan *money boy* untuk menjalankan aktiviti mereka mencari pelanggan dan sebagainya ialah disekitar Tasik Permaisuri Cheras, bahagian belakang bangunan Dewan Bandaraya yang juga dikenali sebagai *Jurasic Park* Kuala Lumpur, Kolam Renang Tun Abdul Razak Cheras dan di sekitar bangunan Kota Raya. Selain daripada lokasi tersebut, *money boy* juga menjalankan aktiviti-aktiviti mereka di premis urut dan reflekxologi yang tumbuh bagai cendawan di bandar-bandar besar di negara ini. Hotel-hotel juga turut dijadikan lokasi pertemuan dan aktiviti oleh sebahagian *money boy*, tetapi ia selalunya dilakukan oleh mereka yang meletakkan harga perkhidmatan yang tinggi. Gambar rajah 6 hingga 9 menunjukkan lokasi pertemuan *money boy* untuk mendapatkan pelanggan mereka.





**Gambar rajah 6** Tasik Permaisuri, Cheras




**Gambar rajah 7** Kolam Renang, Tun Abdul Razak Cheras



**Gambar rajah 8** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (Jurasic Park)




**Gambar rajah 9** Kota Raya, Kuala Lumpur

## PELANGGAN *MONEY BOY*

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan mengenai *money boy*, tidak terdapat perbezaan yang ketara terhadap individu atau kumpulan yang mendapatkan perkhidmatan *money boy* ini. Secara umumnya pelanggan *money boy* ini mempunyai sekurang-kurangnya lima kriteria yang utama. Kriteria tersebut ditunjukkan dalam Gambar rajah 10 di bawah.

| **Kriteria** |  |
|---|---|
| • Umur dalam lingkungan 40-an<br>• Berpendapatan tinggi<br>• Mampu mengembirakan *money boy*<br>• Berminat kepada lelaki<br>• Gagal dalam percintaan/ perkahwinan | |

**Gambar rajah 10** Kriteria Pelanggan *Money Boy*

Majoriti daripada pelanggan *money boy* ini berumur di antara 40 sehingga 50 tahun dan kebanyakan daripada mereka mempunyai jawatan-jawatan yang tinggi dalam masyarakat sama ada di sektor awam ataupun swasta. Majoriti daripada pelanggan *money boy* ini juga sudah pun berkeluarga dan mempunyai anak. Penampilan pelanggan *money boy* ini juga amat menarik dan kemas terutamanya dari segi pemakaian dan memiliki kemahiran komunikasi yang sangat efektif.

terutamanya yang mempunyai rupa paras dan bentuk badan yang menarik. Keseronakkan mereka akan memuncak sekiranya *money boy* yang diperoleh itu menepati ciri dan kriteria idaman mereka atau terma yang sering digunakan oleh *money boy* sebagai *their taste*.



Ramai juga dalam kalangan pelanggan *money boy* ini yang gagal dalam percintaan dan perkahwinan mereka. Mereka ini sebenarnya mempunyai perasaan cinta dan kasih sayang yang amat mendalaman kepada pasangan wanita. Apabila hasrat dan idaman yang diinginkan daripada pasangan wanita mereka gagal diperolehi, mereka mengalami perasaan kecewa yang amat sangat sehingga timbul perasaan tidak suka atau percaya kepada wanita lagi. Apabila ini berlaku, majoriti daripada golongan ini akan memilih lelaki untuk mendapatkan keseronokan dan keindahan kasih sayang tersebut.

## PERKHIDMATAN *MONEY BOY*

Perkhidmatan *money boy* ini boleh diperolehi dengan pelbagai cara. Dengan adanya kemudahan ICT dan media sosial pada hari ini, capaian untuk mendapatkan perkhidmatan *money boy* ini bertambah mudah. Terdapat pelbagai cara *money boy* memaparkan maklumat perkhidmatan mereka kepada umum. Di antara kaedah yang sering digunakan oleh *money boy* ialah seperti yang ditunjukkan dalam Gambar rajah 11 di bawah.




**Gambarajah 11** Kaedah *Money Boy* Mengiklankan Perkhidmatan

Sumber: Shatar, 2012.

Kaedah yang paling mudah dan terkini digunakan oleh sebahagian besar daripada *money boy* untuk mengiklankan perkhidmatan mereka ialah dengan menggunakan media sosial seperti *twitter, blog* dan juga *facebook. Money boy* akan menggunakan medium ini sebagai kaedah terpantas untuk mendapatkan pelanggan dengan memaparkan gambar mereka, jenis perkhidmatan dan kadar bayaran yang dikenakan. *Money boy* akan

berselindung dibawah perkhidmatan *urut dari lelaki untuk lelaki* atau *M2M massage* untuk mengelirukan pihak berkuasa. Namun, bagi pelanggan-pelanngan *money boy* mereka sudah arif dengan terma-terma tersebut.

> *"......cara yang paling mudah untuk saya mendapatkan pelanggan ialah mengiklankan perkhidmatan saya melalui facebook. Saya akan nyatakan perkhidmatan urut untuk lelaki sahaja dan saya sertakan juga nombor talipon dan nama samaran..."*
>
> *Money Boy 9, 2012.*

Selain daripada media sosial seperti *facebook, twitter dan blog, money boy* juga turut mengiklankan perkhidmatan mereka melalui akhbar-akhbar tempatan di dalam ruang kecantikan. Seperti di dalam *facebook, twitter dan blog, money boy* akan berselindung di bawah perkhidmatan urut untuk mengkaburi masyarakat mengenai aktiviti mereka, namun pelanggan-pelanggan *money boy* telah memahami apa yang dihasratkan.

> *"......saya juga menggunakan surat khabar untuk mengiklankan perkhidmatan saya..tetapi respon dari pelanggan sangat sedikit sebab sekarang ini orang sudah kurang membaca surat khabar...selalunya yang guna surat khabar untuk mendapatkan perkhidmatan saya ialah ialah golongan yang sudah berumur..."*
>
> *Money Boy 10, 2012*

Tandas-tandas awam juga turut digunakan oleh *money boy* untuk tujuan pengiklanan. Seringkali dinding tandas awam dijadikan sasaran untuk tujuan ini. Nama dan nombor telepon *money boy* berserta dengan perkhidmatan mereka akan ditulis di dinding tandas

awam ini agar mudah untuk pelanggan *money boy* menghubungi mereka.




Umumnya, *money boy* yang menggunakan tandas awam untuk mengiklankan perkhidmatan, tidak meletakkan harga yang tinggi kepada pelanggan. Pakej perkhidmatan yang diberikan juga bersesuaian dengan kadar yang dikenakan oleh mereka. *Money boy* juga turut mendapatkan pelanggan melalui kenalan yang ditemui di lokasi-lokasi popular dalam kalangan pelanggan *money boy* seperti kolam renang, gimnasium, kompleks membeli belah dan sebagainya. Semasa pengenalan ini masing-masing akan bertukar nombor telefon untuk membuat temu janji di masa yang akan datang.

Gambar rajah 12 hingga 18 menunjukkan contoh bagaimana *money boy* menggunakan media massa terkini untuk mengiklankan perkhidmatan mereka kepada pelanggan dan juga jenis perkhidmatan yang sering diberikan. Gambar rajah 19 sehingga 20 pula menunjukkan bagaimana *money boy* menawarkan perkhidmatan mereka kepada pelanggan.




**Gambar rajah 12** Iklan Perkhidmatan *Money Boy* dalam Facebook




**Gambar rajah 13** Iklan Perkhidmatan *Money Boy* dalam *Website*

Full Body Aromatherapy Massage For Him with [redacted] Manhood Massage

**60% OFF**

~~RM247.00~~

**RM99.00**

Add to My Cart

[redacted]

**Benefits:**

- Conveniently located at [redacted] Bukit Bintang
- Experienced male therapists over 8 years
- Massage is proven health and mood treatment for men
- Full Body Massage to indulge your tight muscles and reawaken those sleepy, and tired lymphatic systems
- [redacted] manhood massage to promote manliness, enabling men to last longer hours and promote better capability
- Crystal salt foot bath helps to soften the skin, relieve muscle pain and stiffness, and effectively minimize any foot odor

**Duration:**

- 1 hour and 30 minutes

**Package includes:**

- Full body massage and crystal salt foot bath worth RM148 (60 mins)
- [redacted] manhood massage worth RM99 (30 mins)

**Gambar rajah 14** Iklan Perkhidmatan *Money Boy* dalam *Blog*



## [redacted] Spa by Male Masseurs

- A [redacted] day spa in Kuala Lumpur.
- Home spa center is located in a charming residential and business area in Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur. Our spa sessions are organized in private individual rooms (with air-con, built-in music, aromatherapy purifier and soundproofed), and water heater. Our main signature massage treatment is our release stress treatment with our natural herbal aromatherapy oil that effectively helps to release stress.

A [redacted] spa with its own class.

Book an Appointment

- *Full-body Massage*
- Join in our 1-hour full-body man-to-man massage session together with our special manhood therapy for a complete relaxing experience. More Info
- *Steam Bath, Sauna and Scrub*
- Get steam, get hot and get scrub to remove excessive skin impurities from head-to-toe leaving only a wonderfully cleanse skin. More Info
- *M2M Masseurs*
- There are not many guys in the world that offer a true traditional massage. We have them on our team.

*Our Location*

- [redacted] is located at Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur. See Map & Address

---

*Our Masseurs are highly-skilled in man-to-man massage.*

View Photo of our Masseurs

**Gambar rajah 15** Iklan Perkhidmatan *Money Boy* dalam *Web*




**Gambar rajah 16** Iklan Perkhidmatan *Money Boy* dalam *Web*

kl +6016245[redacted] (kuala lumpur)i am 29 years old healthy and energetic. i am available kl and klang vally. i do full service for for ladies and men. but i like to join with couple but very straight. can do good massage , romance and gar rented...

Am Basically A Simple Person, Well Educated - 26Contact: 011[redacted] / +67[redacted] im darrel, i am basically a simple person, well educated, adjusting and funloving person whom other consider as sincere and friendly too.. offering a real quality massage.. be my guest and feel the relaxation of combined power of...

Im Just Areive From My Country And New In Here - 22Contact: +601[redacted] Hi. I'm Nicky from thailan .. Im just areive from my country and new in here ... Im open for anything and im not free for f*n So please call or text me if u interseted with me .. Im...

Karaoke & Lets Go Have Some Fun Together - 29Contact: 012[redacted]Hii there, u want a partner for ur free time? Contact me if u want me to spend time with u... Age i dont mind... We can watch movie, karaoke & lets go have some fun together... I won't charge...

You Have Come To The Right Page - 27Contact: +60111[redacted] Hello Ladies, Firstly thank you for dropping by. If its company you want, someone to spend your valuable time with and or a sexual encounter, you have come to the right page but do let me know in advance ladies...

I Am Available At Ipoh,penang And Kampar Or Maybe If U Want Kl - 29Contact: +6019[redacted]i am available at ipoh,penang and kampar or maybe if u want kl or any place you prefer with cost on you. i do full service for ladies only. but i like to join with couple but very straight. can...

Malay Male Escort - 27Contact: 017[redacted] Malay Male escort stocky build Will give you pleasure...

male escort service - 28 (kuala lumpur)Feel free to chat with me if you need my service, basically on sex service, [redacted], massage, hot romance. Call me for outcall or incall service. I work on Monday, Friday and weekend. Mostly in the evening time. On charges its... Sun. 29 Mar.

Lee male escort 0164[redacted] (Penang)Hello im male escort in Penang I provide good massage. 1hour 350 MYR Call now...

young fresh escourt in melaka - 21 (Kuala Lumpur)Young And Fresh Body Licious 21 of age ashraf nidzam stand with 6 inci hard big cock available now in Melaka . Satisfaction gurantee , safety sex with condom and 100% clean . What you give you get back .high class attitude...

Local Genuine Nice Boy (massage/companionship) - 23 (KL)Hi, I'm Zack and local boy from KL. I'm genuine, highly educated, very sporting and very friendly. I'm also enjoy intimacy, so mutual touching is encouraged. I'm freelancer boy and I like to enjoy myself with you. I love to give a...

Young And Fresh Escourt - 21 (Kuala Lumpur)Ashraf nidzam available in Kuala Lumpur now stand witb 6 inci [redacted]. High class attitudes and good in discussion. Satisfaction guarantee for service sex . What you give you get back . Clean escourt and safety sex here...

Cute boy +excellent svis - 22 (Bukit bintang)Nice look n excellent svis ...,exotic indonesian tanned skin.. Young n energetic.. Avlble here.. Grab me.. Will proceced u there.. 017[redacted]

Urban Edge - 32 (johor bahru)Hi! Are you feeling lonely & need some Fun? Y wait, mail me on rahul5419@[redacted] Enjoy your life as there's no tomorrow. I'm a well behaved civilized person and expect the same. Simply jovial and calm. lets keep it low. Age, Race... Tue. 24 Mar.

available in kuala lumpur - 21 (Kuala Lumpur)Call Me Today for a UNFORGETTABLE Experience and Hot sexy time! cute boy service available now!!! - m4m - 21 kLHI ...IM AVAILABLE NOW IN KL ....im ready to make yoou feel enjoy with me im good looking ,young with my sexy...

Sex, Hardcore, Pleasure, Kinky - 28 (Kuala Lumpur)Hi I'm Calvin, Indian guy (28) Petaling Jaya, Slim body, 70kg It's circumcised & clean. [redacted] Contact-012[redacted] NO

**Gambar rajah 17** Iklan Perkhidmatan *Money Boy* dalam *Web*




**Gambar rajah 18** Iklan Perkhidmatan *Money Boy* dalam Akhbar

Jam 12.46 malam tadi *Money Boy*, MB tiba di bilik bersama jurukamera, Raja Ansari Alwi, 43 tahun menyamar pelanggan.

MB, lelaki biseksual berusia lingkungan 20 an, menawarkan khidmat seks kepada pelanggan lelaki dan perempuan dengan bayaran tertentu.

Pendedahan berani berhubung kegiatan MB ini dicadangkan wartawan, Hazlin Hussain 2 minggu lalu. Krew lain sekadar membantu pengacara 999 itu melaksanakan tugasannya.

"Dia cuma minta bayaran RM50 sahaja," ujarnya.

"Murahnya?," soal saya terkejut.

"Sebelum ini dia nak *check in* di bilik berharga RM22 untuk 2 jam,» tambah Hazlin.

Bagaimana pun saya tidak mempersetujui cadangan itu kerana hotel terbabit tidak mempunyai *closet*berkedudukan sesuai untuk kami meletakkan kamera di posisi 'selamat'. Manakala majoriti hotel bertaraf 3 bintang ke atas di ibu kota, *full house,* dihuni bih 4,000 perwakilan dan pemerhati menyertai Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Untuk rekod, sebelum ini program 360 pernah membuat pendedahan berhubung kegiatan gay menawarkan khidmat sama tetapi caj dikenakan untuk pakej urutan dan seks lebih mahal, RM350.

Selepas memasuki bilik, MB pantas mandi dan membersihkan dirinya sebelum meminta Ansari berbaring untuk diurut. Kurang 5 minit mengurut kaki menggunakan *lotion*, dia kemudian bertindak 'memanjat' ke bahagian tubuh atas 'pelanggan' berada dalam kedudukan meniarap.

"Dia bogel bang, *underwear* pun tak pakai! Geli!," ujar Ansari terkejut.

Melalui rakaman audio dan visual, terbukti kenyataan terbabit benar.

"Lin tak sanggup nak tengok," ujar Hazlin selepas memprebiu visual rakaman.

Untuk mematuhi etika kewartawanan, 999 tidak berhasrat mendedahkan identiti sebenar dan visual MB berbogel. Bukan tujuan kami untuk menjatuhkan maruahnya biarpun dia sanggup melelong harga dirinya hanya kerana wang tidak seberapa.

MB dilaporkan berasal dari Kuantan, Pahang dan mendakwa putus tunang kira-kira 3 tahun lalu. Berikutan kekecewaan dialami, dia mengambil keputusan mengadai maruahnya kepada kedua jantina.

"Upah urut RM50 tetapi kalau nak seks, pelanggan boleh bayar berapa dia suka. Kalau kena *customer*kedekut, bayar RM20 pun ada," keluh MB.

Dia juga mendakwa pernah mengadakan hubungan seks bersama beberapa VIP dan sanggup melakukan apa sahaja aksi untuk memuaskan nafsu seks pelanggannya.

"Kalau dengan pelanggan lelaki, dia *top, bottom atau flexi(ble)?,"* tanya saya kepada Ansari.

"Dia semua bang tetapi bernafsu juga terhadap perempuan," jawabnya.

Semasa merakamkan visual MB tiba di lokasi, Hazlin berbisik kepada saya.

"Dia pakai baju dan seluar sama waktu kita orang jumpa dia dekat bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, DBKL semalam," katanya.

Hemat saya, MB mungkin dihimpit masalah kewangan lantas terdesak untuk mencari duit. Jika tidak, mana mungkin dia sanggup berpakaian sama selama 2 hari berturut-turut, apatah lagi sewaktu bertemu 'pelanggannya'. Barangkali, MB tidak hidup semewah sebilangan lelaki gay bekerjaya lebih kurang sama.

Sewaktu MB ditemui krew 999 pada malam 21 Oktober lalu, dia dikatakan berjalan mundar-mandir di sekitar Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur dan mendekati setiap kenderaan dipandu perlahan. Pemandu fikirnya, mungkin *prospect client*.

Jam 1.20 pagi, Hazlin dan krew menerima *missed call* daripada Ansari, isyarat rakaman audio dan visual di bilik selesai. Lalu penerbit 999, Shahnun Hanif Suhaimi menghubunginya semula dan memaklumkan Ansari kononnya rakan jurukamera itu terbabit dalam kemalangan jalanraya dan dia terpaksa bergegas ke hospital.

Saya terlihat kelibat MB sewaktu dia menahan teksi untuk pulang ke Kuala Lumpur. Jelas, dia bukan lelaki lembut tetapi bertubuh tinggi dan agak kurus.

Melalui pengamatan saya, tugasan kali ini mendebarkan Hazlin tetapi melihatkan senyumannya sewaktu tugasan berakhir pastinya dia mempunyai sesuatu istimewa untuk dipaparkan kepada penonton di episod bakal diumumkan tarikh siarannya kelak.

**Gambar rajah 19** Kisah 1 bagaimana *Money Boy* memberikan perkhidmatan

LELAKI TAWAR KHIDMAT SEKS SEJENIS BERKELIARAN DI JALAN RAJA LAUT

KUALA LUMUR: Kegiatan 'Money Boy' atau lelaki yang menawarkan khidmat seks kepada golongan sejenis di sekitar ibu negara masih berleluasa apabila mereka kini menjadikan kawasan kaki lima sekitar Jalan Raja Laut untuk 'memancing' pelanggan melakukan seks songsang.

Walaupun beberapa tahun lalu kegiatan itu didedahkan media, tetapi golongan itu didapati masih menjalankan kegiatan terkutuk itu.

Modus operandi dijalankan ialah Money Boy akan melepak sekitar kaki lima Jalan Raja Laut bermula dari Menara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hingga ke kawasan sekitar Bangunan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) antara jam 9 malam dan 2 pagi sambil menunggu kereta yang akan berhenti di kaki tepi jalan.

Golongan itu yang berumur antara 20 hingga 30 tahun akan datang ke kereta yang berhenti di tepi jalan dan menjalankan aktiviti tawar menawar sebelum mereka dibawa ke rumah sendiri atau hotel murah sekitar Kuala Lumpur.

Seorang pengunjung di Dataran Merdeka, Mohd Ilham Mohd Nor, 27, berkata kegiatan songsang itu sukar dikesan kerana kebanyakan Money Boy kelihatan seperti mereka yang menunggu kenderaan awam atau melepak bersama rakan di kawasan itu.

Katanya, pada mulanya dia agak hairan kerana ramai lelaki melepak di kawasan itu seperti menunggu bas sedangkan kebanyakan orang ramai menjadikan kawasan Dataran Merdeka untuk melepak.

"Selepas diberitahu rakan, baru saya tahu kebanyakan mereka terdiri daripada pengamal seks sejenis yang dikenali Money Boy.

"Sepatutnya kegiatan seperti ini dibendung hingga ke akar umbi supaya ia tidak menjadi barah dalam masyarakat," katanya.

Seorang lagi pengunjung, Sharif Ahmad Nazri Sharif Nordin, 25, berkata dia berharap pihak berkuasa terutama Jabatan Agama Islam Wilayah (JAWI) dapat mengambil tindakan tegas agar masalah seks sejenis tidak terus berleluasa.

"Beberapa tahun lalu kes hubungan seks songsang ini pernah dibongkar sebuah stesen televisyen tetapi kini kegiatan itu didapati masih berterusan.

"Tindakan tegas perlu diambil bagi memastikan aktiviti seks songsang ini dapat dibendung," katanya.

Tinjauan Sentral selama empat malam mendapati dakwaan orang ramai itu ada kebenarannya apabila kira-kira 20 Money Boy menunggu pelanggan di sekitar Jalan Raja Laut yang lebih dikenali golongan itu sebagai 'Jurassic Park'.

Dalam menjalankan urus niaga hanya Money Boy yang akan mendekati kenderaan pelanggan selepas mereka percaya kereta yang berhenti di tepi jalan mahu mendapatkan khidmat seks.

Money Boy agak licik kerana tidak akan melayan pemandu yang memanggil mereka untuk mendapatkan khidmat seks songsang.

Dalam tinjauan itu Money Boy didapati akan menaiki kenderaan yang berhenti di tepi jalan dan akan pulang beberapa jam kemudian.

Usaha pemberita mendekati golongan ini berhasil selepas seorang Money Boy dikenali Rizal dalam lingkungan 28 tahun memasuki kenderaan yang diletakkan kira-kira lima minit di tepi Jalan Raja Laut.

Lelaki itu kemudian mendekati kereta dan bertanyakan sama ada menunggu kawan dan kemudian menawarkan khidmat seks songsang dengan bayaran RM80.

Menurut Rizal dia hanya 'bekerja' sebagai Money Boy pada masa tertentu dan menjadikan hotel murah sekitar ibu negara untuk menjalankan aktiviti terkutuk itu atau mengikut pelanggan ke rumah mereka.

**Gambar rajah 20:** Kisah 2 bagaimana *Money Boy* Memberikan Perkhidmatan

## RUMUSAN

Isu *money boy* yang muncul dalam masyarakat pada hari ini merupakan satu fenomena baru yang melanda Generasi Y. Isu ini mula bertapak dalam kalangan Generasi Y pada awal tahun 2009. Penglibatan Generasi Y dalam aktiviti ini menunjukkan reaksi yang positif kerana imbuhan daripada aktiviti ini amatlah lumayan. Kesempitan dan cabaran hidup di era globalisasi pada hari ini menjadi pendorong utama kepada Generasi Y untuk terlibat secara langsung dengan aktviti yang tidak bermoral ini.

